

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM DENGAN SABATI  
Lokasi : KUCHING, SARAWAK  
Tarikh : 17-06-1982

Terlebih dahulu, saya bagi pihak BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana telah sudi menjemput BAKTI untuk melakukan lawatan ke negeri ini sebagai tetamu Kerajaan Negeri Sarawak.

2. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua persatuan dan pergerakan wanita Negeri Sarawak kerana telah memberikan sambutan yang begitu meriah kepada rombongan BAKTI dan telah bersusah payah menyediakan atur cara yang begitu rapi. Saya percaya ahli-ahli rombongan BAKTI akan mendapat pengalaman dan pengajaran daripada lawatan ini.

3. Sumbangan dan penglibatan kaum wanita dalam hampir setiap aspek pembangunan negara kita hari ini memang diakui oleh Kerajaan, malah menerima galakan yang penuh, bukan sahaja dari Kerajaan tetapi juga dari masyarakat keseluruhannya. Ini adalah satu perkembangan yang sihat yang jelas terbukti dengan tertubuhnya beberapa persatuan dan badan amal dan kebajikan wanita sejak akhir-akhir ini.

4. Di negeri Sarawak ini juga terdapat beberapa persatuan wanita seperti PBB, SABATI, WI dan lain-lain lagi yang semuanya memainkan peranan masing-masing dalam kegiatan-kegiatan amal dan kebajikan. Usaha murni ini harus diteruskan dengan tidak hanya bergantung kepada pihak Kerajaan.

5. BAKTI berasa amat beruntung oleh kerana telah diberi peluang untuk melawat tempat yang bersejarah dan pusat-pusat pergerakan di negeri Sarawak ini. BAKTI juga berasa beruntung kerana telah dapat menyaksikan dengan sendiri kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh kaum wanita di negeri ini. Banyak yang telah dipelajari, yang dapat dilihat dan dialami. Pengetahuan yang baru yang diperolehi ini sedikit sebanyak akan dapat dipraktikkan di Semenanjung nanti.

6. Lawatan BAKTI ke negeri Sarawak ini merupakan lawatan yang pertama yang diadakan oleh satu badan amal dan kebajikan sukarela Wanita. Memang tidak dapat dinafikan bahawa lawatan-lawatan seperti ini akan mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim bukan sahaja di antara badan-badan amal dan kebajikan, tetapi di kalangan kaum wanita seluruhnya. Adalah menjadi harapan BAKTI supaya lawatan BAKTI ke Negeri Sarawak ini akan menjadi satu permulaan kepada banyak lagi lawatan oleh badan-badan amal dan kebajikan, bukan sahaja dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah tetapi juga dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung.

Saya rasa cuma dengan cara bertukar-tukar lawatan seperti ini sahajalah dapat kita memahami satu sama lain dengan lebih lagi dan dapat memikir bersama serta bersatu tenaga untuk menyumbangkan amal bakti kita kepada mereka yang kurang bernasib baik.

7. Jarak yang memisahkan kita tidaklah seharusnya dijadikan sebagai satu benteng yang menghalang penubuhan tali persaudaraan yang erat sesama kita. Malah jarak ini harus kita jadikan sebagai satu cabaran bagi kita untuk berusaha dengan lebih giat lagi bagi merapatkan tali persaudaraan kita yang telah sedia ada ini.

8. Saya berharap lebih ramai lagi wanita akan tampil ke hadapan untuk menyumbangkan tenaga dalam kerja-kerja amal dan kebajikan. Segala usaha murni kita ini akan mendapat ganjaran bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat, inshaallah.

9. Dengan kata-kata ini, saya bagi pihak BAKTI, sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada saudari-saudari sekalian di atas sambutan yang begitu meriah yang telah diberikan kepada rombongan BAKTI. Saya harap pertalian silaturrahim yang telah terjalin ini bukan sahaja akan terus dikekalkan tetapi diperat lagi di masa-masa yang akan datang.

Sekian terima kasih.